



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: [aduan@rurallink.gov.my](mailto:aduan@rurallink.gov.my) | [webmaster@rurallink.gov.my](mailto:webmaster@rurallink.gov.my)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

# **E-KERATAN AKHBAR HARIAN**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(27)**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

9 APRIL 2019

HALAMAN:

3

ONLINE



## Tiada pengurangan dana biasiswa, pinjaman MARA

**Kuala Lumpur:** Tiada pengurangan dana untuk biasiswa dan pinjaman pendidikan MARA pada tahun ini walaupun kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan penjimatan perbelanjaan, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Beliau berkata, kementeriannya juga tidak mengubah sebarang bentuk pinjaman atau pembiayaan bagi memastikan mereka yang berkelayakan dapat menikmati bantuan itu sehingga menamatkan pengajian.

"MARA juga masih melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah kepada biasiswa kepada pelajar memperoleh keputusan cemerlang yang pastinya memberi mereka motivasi untuk membangunkan negara. Sebab itu, tiada sebarang pengecilan pinjaman atau pembiayaan. Kita masih kekalkan

dasar sedia ada untuk mereka yang berkelayakan," katanya.

Rina berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan surat tawaran prauniversiti, wang tunai dan tablet kepada 52 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dari keluarga miskin yang memperoleh keputusan cemerlang pada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018, di sini semalam.

Pada 2018, katanya, peruntukan diterima MARA adalah RM3.79 bilion dengan pecahan RM3.48 bilion untuk belanja mengurus, manakala RM307 juta lagi untuk belanja pembangunan dan bagi Belanja-wan 2019, peruntukan diterima adalah RM3.705 bilion dengan RM1.3 bilion bagi mengurus dan RM2.4 bilion untuk belanja pembangunan.

Di Kota Kinabalu, Rina yang berucap pada majlis bersama Sri-

kandi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Sabah semalam, berkata kementeriannya memperuntukkan RM1.13 bilion untuk menyediakan dan membina infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air bersih dan sistem jalan raya di kawasan luar bandar di Sabah, tahun ini.

### 44 program ameniti sosial

Katanya, Sabah antara negeri tertinggi menerima peruntukan daripada kementerian berkenaan khusus untuk penduduk kawasan luar bandar, antaranya 44 program ameniti sosial seperti naik taraf dan baik pulih masjid serta surau, dewan serbaguna, jambatan dan sistem perparitan di luar bandar dengan peruntukan keseluruhan RM6.47 juta.

"Kementerian turut mengenal pasti 50 projek jalan desa untuk



Rina Mohd Harun

dilaksanakan di negeri ini pada peringkat pertama tahun ini memabatkan peruntukan RM10 juta. Projek itu sudah diluluskan dan dalam proses sebut harga, dijangka siap pada Jun 2019.

"Kita juga sedang mengenal pasti senarai jalan desa yang akan dilaksanakan bagi peringkat kedua

kelak mengikut keperluan," katanya sambil menambah, kementeriannya turut merancang mengadakan Karnival Usahawan Desa (KUD) Zon Borneo pada Ogos ini untuk usahawan terutama dari luar bandar memasarkan produk mereka.

Beliau yang juga Ketua Srikandi BERSATU, berkata menerusi MARA, Sabah menerima peruntukan sebanyak RM22.04 juta untuk meningkatkan dan memperkasakan usahawan agar lebih berdaya saing dan mampu melonjakkan ekonomi diri serta negeri.

Dalam perkembangan lain, Rina berkata, pihaknya akan memastikan 30 peratus daripada ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) terdiri daripada wanita seajar dasar kementerian bagi meningkatkan pembabitin golongan itu dalam pengurusan kampung.

TARIKH:

9 APRIL 2019

HALAMAN:

23

ONLINE



Disamun  
depan  
tokong

Johor Bahru: Seorang suri rumah bersama anaknya berdepan detik cemas apabila disamun dua lelaki sejurus selesai upacara sembahyang di sebuah tokong dekat Jalan Indah 5/14, Taman Bukit Indah di sini, malam kelmarin. Dalam kejadian kira-kira jam 11 malam itu, wanita berusia 30 tahun menuju ke tempat letak kereta bersama dua anak lakinya masing-masing berusia dua dan lima tahun sebelum didatangi suspek.

HARIAN METRO

Nor Akmar Samudin  
akmar@nstp.com.my

# Hatiku di Keningau

■ Pelajar cemerlang SPM 2018 mahu jadi doktor, buka klinik

Kuala Lumpur

Pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018, Melanie Grace Billy, 18, mahu mengejar cita-citanya menjadi doktor dan membuka klinik di kampung halamannya di Keningau, Sabah.

Bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sandakan yang mendapat keputusan peperiksaan 9A itu bakal melanjutkan pengajiannya di *International Medical School*, Kuala Lumpur.

Gadis keturunan Dusun itu berkata, dia amat terhutang budi kepada ibu bapa, adik beradik dan masyarakat di kampungnya yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan sehingga dia muncul pelajar cemerlang pada SPM 2018.

"Saya berjanji untuk membalas budi dan jasa baik mereka apabila kembali berkhidmat kepada masyarakat di kampung dengan mem-



RINA (tengah) bersama penerima surat tawaran pra universiti kepada pelajar cemerlang MRSM SPM 2018.

buka klinik di sana selepas tamat pengajian," katanya yang ditemui pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Pra Universiti Kepada Pelajar Cemerlang MRSM SPM 2018, yang diadakan di sini, se-

malam. Majlis penyerahan surat tawaran itu disempurnakan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Hadir sama, Pengerusi

Mara Dr Hasnita Hashim.

Kata Melanie, dia juga berterima kasih kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menaja pengajiannya sehingga tamat.

"Bapa saya hanya bekerja



“  
Saya berjanji untuk membalas budi dan jasa baik mereka apabila kembali berkhidmat kepada masyarakat di kampung”

Melanie Grace Billy

sendiri dan ibu pula suri rumah tangga. Saya ada tiga lagi adik yang masih belajar

dan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk persekolahan mereka.

"Dengan adanya tajaan daripada Mara, ia membantu meringankan beban kewangan keluarga dan saya bezazam akan belajar bersungguh-sungguh," katanya.

Bekas pelajar cemerlang MRSM Mersing, Ahmad Nazrun Mumbir Osman, 18, juga mahu menyambung pengajian dalam bidang perubatan.

Anak keempat daripada lima beradik itu akan memasuki Kolej Mara Kulim sebelum meneruskan pengajiannya di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

"Saya sangat bersyukur di atas peluang dan keistimewaan yang diberikan Mara kepada pelajar daripada keluarga susah untuk meneruskan pengajian kerana pembiayaan untuk kursus perubatan adalah mahal dan ini di luar kemampuan keluarga saya," katanya yang berketurunan Orang Asli Jakun.

Kakaknya, Nurul Izzaty juga 'anak' Mara kini melanjutkan pengajian di Tasmania, Australia, dalam jurusan Marine Offshore.

setempat 23

09-04-2019